

Waspada imej profesional skim penipuan pelaburan

KITA sering terbacca di akhbar mengenai kisah orang ramai yang menjadi mangsa penipuan kewangan yang menyebabkan kerugian besar.

Penipuan ini biasanya hasil daripada pelaburan yang dilakukan dalam skim tertentu yang tidak dilesenkan oleh kerajaan.

Pengendali skim sebegini lazimnya menarik perhatian mangsa mereka dengan jaminan pulangan tinggi dan meyakinkan anda untuk melaburkan wang yang akhirnya akan hilang begitu saja.

Selain itu, pengendali skim sebegini juga akan sentiasa memperbaiki skim penipuan sedia ada untuk mengelak daripada ditangkap.

Justeru, anda dinasihatkan supaya berhati-hati terhadap sebarang tawaran yang menjanjikan sesuatu yang indah khobar dari rupa.

Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM) menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati terhadap empat


skim penipuan kewangan yang kerap berlaku di negara ini iaitu skim pelaburan menerusi internet, pengambilan deposit secara haram atau skim cepat kaya dan skim penipuan menerusi e-mel, SMS dan 'phising'.

Selain itu, skim penipuan kewangan lain yang kerap berlaku adalah skim dagangan mata wang asing haram.

Berdagang dalam mata wang asing adalah kegiatan pelaburan dalam mata wang asing dengan tujuan mendapat pulangan yang tinggi daripada pergerakan kadar tukaran mata wang asing.

Justeru, jika anda diajak untuk melabur wang anda dalam mata wang asing oleh pihak selain daripada peniaga mata wang yang sah, tidak syak lagi ia adalah satu sindiket dagangan haram mata wang asing.

Bagaimana caranya untuk kita mengenali pengendali atau syarikat pelaburan mata wang asing yang beroperasi secara tidak sah ini? Jika anda terbacca iklan



BORANG skim cepat kaya yang menerangkan bagaimana pelabur boleh membuat keuntungan.

MASYARAKAT diingatkan supaya tidak mengendahkan e-mel skim pelaburan tidak sah seperti ini.

MANGSA penipuan selalunya gagal mendapatkan semula wang pelaburan mereka.

pelaburan yang cukup menarik dan mampu memberikan pulangan yang luar biasa, anda harus berhati-hati ini.

Ini disebabkan pengendali skim pelaburan haram biasanya memaparkan iklan yang menarik untuk mengumpukan orang ramai supaya mendengar rancangan pemasaran mereka yang meyakinkan tetapi sebenarnya palsu.

Pengendali skim ini juga beroperasi di pejabat luar negara dan mereka juga mempunyai kemudahan teknologi maklumat (IT) yang canggih.

Mereka akan menyediakan latihan kepada bakal pekerja mengenai prinsip dagangan dalam mata wang asing dan memberi latihan amali mengenai dagangan mata wang asing berasaskan transaksi andal atau tiruan dalam suasana yang dikawal oleh pengendali. Biasanya kesemua transaksi yang dibuat akan menghasilkan keuntungan.

Mereka juga mengambil pekerja berasaskan komisen

dan tidak diberikan surat pelantikan secara formal atau kontrak yang menggariskan syarat pekerjaan.


Pengendali tidak sah ini berjaya menarik minat mangsa mereka dengan mengatur strategi pemasaran yang menjanjikan keuntungan yang tinggi dalam masa yang singkat.

Untuk meyakinkan mangsa, pengendali akan menampilkan imej yang profesional dan membenarkan pelabur mereka mengemukakan akaun dagangan menerusi internet.

Mereka juga mempunyai peralatan urus niaga seperti skrin berita yang menunjukkan pergerakan dalam kadar pertukaran untuk memberi gambaran bahawa profesional dan sah di sisi undang-undang.

Pelabur juga diminta menandatangani satu kontrak urus niaga yang biasanya adalah antara pelabur dan syarikat induk tetapi biasanya kontrak ini dibiarkan tanpa ditandatangani.

Penganjur pikat pelanggan guna strategi tawar keuntungan segera



FAKTA

Untuk mengelak daripada menjadi mangsa:

- * Jangan terpedaya dengan peluang yang menjanjikan pelbagai peluang yang tidak realistik.
- * Elakkan daripada terpengaruh dengan syarikat yang menjanjikan keuntungan besar.
- * Berhati-hati dengan pengiriman wang menerusi internet atau surat.
- * Pastikan anda mendapat rekod prestasi syarikat berkenaan.
- * Tanyakan sebarang soalan dan jangan tergesa-gesa dalam membuat keputusan.



Sumber : Berita Harian
Tarikh : 23 Jun 2009
Mukasurat : Ekonomi 22, 23